

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 23/5/2008

Pembaharuan undang-undang tiada kaitan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 22 Mei - Pembaharuan undang-undang yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak ada kaitan dengan usaha memburuk-burukkan nama bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim berkata, pembaharuan itu juga dilakukan bukan kerana kerajaan mengalah terhadap tuntutan pembangkang sebaliknya ia adalah bagi memenuhi desakan rakyat yang mahu melihat perjalanan keadilan dan sistem kehakiman yang lebih telus dan bertanggungjawab.

"Kita buat ini bukan untuk memburukkan sesiapa atau memenuhi tuntutan pembangkang," katanya ketika menggulung perbahasan usul titah Yang di-Pertuan

Agong pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Terdahulu, **Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas)** memberi pandangan bahawa kenyataan-kenyataan Zaid ketika mula dilantik menjadi menteri memberi gambaran seolah-olah badan kehakiman negara pada pentadbiran sebelum ini berada dalam keadaan pincang.

Ibrahim turut menyatakan bahawa ia juga berkaitan dengan usaha memburuk-burukkan bekas Perdana Menteri.

"Ini perkara yang amat serius. Dalam politik begitulah," katanya.

Datuk Mukhriz Mahathir (BN-Jerlun) pula membangkitkan soal kuasa mutlak Perdana Menteri dalam melantik hakim-hakim dan mendakwa pelantikan peguam terke-

muka, Tan Sri Zaki Tun Azmi sebagai Presiden Mahkamah Rayuan adalah hasil "lobi-melobi oleh Perdana Menteri sekarang."

Dalam penjelasannya, Zaid berkata, pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan selaras dengan manifesto kerajaan BN malah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pada 2004 untuk melaksanakan dasar yang telus dan bertanggungjawab.

"Kalau ada orang dari BN sendiri yang rasa ini bukan dasar kita, mungkin orang itu tidak selesai dalam BN," kata beliau.

Zaid menjelaskan, selaras dengan pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan, beliau bersama-sama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail telah diarahkan untuk menyemak semula beberapa aspek

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya, beliau dan Jabatan Peguam Negara juga ditugaskan untuk berbincang dan mengkaji semula kuasa-kuasa Peguam Negara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan bagi mencari mekanisme yang membolehkan Peguam Negara diberi peluang menjelaskan keputusannya dalam kes-kes tertentu demi kepentingan awam.

"Ia juga bertujuan mencari mekanisme bagi memastikan keputusan membuat pendakwaan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Sekuriti. Ini akan meningkatkan kebertanggungjawaban dan keberkesanan proses membuat keputusan selain memastikan kecekapan pendakwaan di jabatan atau agensi berkenaan," katanya.

UM - 23/5/2008